

## KONFLIK JIWA DALAM NOVEL *TENGGELAMNYA KAPAL VAN DER WIJCK*

Nur Farahkhanna Mohd Rusli<sup>1\*</sup> & Noor Syamshida Massa<sup>2\*</sup>

<sup>1,2</sup>Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA

\*e-mel: <sup>1</sup>farahkhanna@fbk.upsi.edu.my, <sup>2</sup>shida96.ns@gmail.com

**Published:** 23 June 2022

**To cite this article (APA):** Mohd Rusli, N. F., & Massa, N. S. (2022). Konflik Jiwa dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. *Jurnal Peradaban Melayu*, 17(1), 8–18.  
<https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.1.2.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol17.1.2.2022>

### ABSTRAK

Makalah ini bertujuan menjelaskan konflik jiwa yang dialami oleh watak utama dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka (2015), iaitu Zainuddin. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan, iaitu dengan merujuk novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (2015) sebagai sumber utama pengumpulan data. Analisis data dilakukan dengan menerapkan tiga jenis pendekatan untuk menganalisis psikologi watak Zainuddin yang mempunyai hubung kait dengan masalah jiwa, iaitu psikoanalisis Sigmund Freud (1984), teori humanistik Abraham Maslow (1943) dan psikologi Islam. Dapatan kajian menunjukkan watak Zainuddin berhadapan dengan pelbagai konflik jiwa. Berdasarkan pendekatan psikoanalisis Sigmund Freud (1984), unsur id, ego dan super ego dalam diri Zainuddin tercetus akibat konflik berunsurkan keturunan dan percintaan. Berdasarkan teori humanistik Abraham Maslow (1943) pula, Zainuddin berusaha mencapai kesempurnaan diri, manakala analisis berdasarkan psikologi Islam (Khaidzir Ismail et al. 2009) menunjukkan Zainuddin terpaksa berhadapan dengan desakan hawa nafsunya apabila keinginannya untuk berkahwin dengan Hayati tidak tercapai. Dari segi implikasi, kajian ini dapat memberi pendedahan tentang pendekatan psikoanalisis, teori humanistik dan psikologi Islam yang saling berkait antara satu sama lain dan boleh digunakan untuk menganalisis dan menjelaskan konflik jiwa yang dialami oleh watak Zainuddin.

**Kata kunci:** Konflik jiwa, novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, psikoanalisis, humanistik, psikologi Islam

### PENGENALAN

Sebuah karya sastera memiliki nilai estetika yang halus, indah serta mampu mengungkapkan idea dan buah fikiran yang cuba disampaikan oleh pengarang. Buah fikiran yang disampaikan bukan sekadar imaginasi yang lahir daripada naluri penulis sebaliknya mempunyai unsur pemikiran yang sarat dengan ilmu. Karya sastera juga sering dijadikan panduan dan pegangan masyarakat dahulu hingga kini dalam mengharungi fenomena kehidupan yang berlaku dalam manusia sejagat. Sastera juga merupakan medium penting yang membicarakan soal kehidupan sosial sama ada secara langsung atau secara simbolik untuk menggambarkan pengalaman sejarah atau sesuatu peristiwa yang berlaku dalam masyarakat.

Apabila berhubung kait dengan masyarakat, maka secara tidak langsung akan wujud perkaitan yang erat antara sastera dan psikologi manusia. Tambahan pula, sastera dihasilkan melalui suatu proses mental yang kompleks dan dikemukakan kepada pembaca juga dengan melalui proses yang sedemikian. Dalam konteks penghasilan novel, psikologi sangat berkait rapat dengan watak yang diketengahkan oleh pengarang (Nur Farahkhanna Mohd Rusli, 2015). Tambah Nur Farahkhanna Mohd Rusli (2015), setiap


watak sama ada protagonis, antagonis, watak bulat, watak pipih dan sebagainya akan mengalami konflik kejiwaan, iaitu sama ada konflik sesama manusia atau konflik dengan dirinya sendiri. Setiap konflik yang dialami pula diterjemahkan dalam bentuk tingkah laku dan aspek inilah yang akan dibincangkan dalam kajian ini, iaitu bertujuan memahami psikologi watak itu sendiri untuk mencari motivasi dan dorongan yang membawa kepada tingkah laku yang digambarkan oleh watak.

Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka (2015) dipilih kerana watak yang diketengahkan dalam novel tersebut mengalami konflik kejiwaan yang rencam. Kepelbagaian konflik yang dialami membolehkan masalah yang dihadapi oleh sesuatu watak dianalisis dari sudut psikologi. Tambahan pula, adaptasi novel kepada bentuk drama atau filem menjadi kebiasaan masa kini. Dalam hal ini, novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (2015) juga mengalami situasi yang sama apabila bahan bacaan tersebut telah diterjemah dalam bentuk filem. Novel yang bertemakan kasih sayang ini telah menyetengahkan dua watak utama yang mengalami konflik kejiwaan, iaitu watak Zainuddin dan watak Hayati. Namun, dalam konteks kajian ini, hanya watak Zainuddin yang akan dianalisis kerana konflik jiwa yang dialaminya lebih bervariasi dan menarik untuk diketengahkan akibat pelbagai tekanan daripada pelbagai sumber yang menghalangnya mencapai segala impian yang diinginkan. Pada masa yang sama, watak ini dipilih kerana di akhir perbincangan, didapati bahawa Zainuddin berjaya menangani konflik jiwa yang dialami hasil dorongan daripada unsur ego dan super ego. Selain itu, watak Zainuddin juga memiliki ciri-ciri humanistik dan keimanan yang kuat, sekali gus dapat memberi contoh yang positif, panduan dan pengajaran kepada khalayak pembaca dalam menangani konflik yang dialami.

Dalam bidang psikologi, Minderop (2016) menjelaskan bahawa terdapat aliran pemikiran atau pendekatan yang dinamakan sebagai psikoanalisis yang diperkenalkan oleh Sigmund Freud. Dalam pendekatan psikoanalisis, terdapat tiga struktur personaliti, iaitu id, ego dan super ego yang dapat dikaitkan dengan konflik kejiwaan (Sigmund Freud, 1984). Dalam kajian ini, konflik yang dialami oleh watak Zainuddin akan dianalisis berdasarkan ketiga-tiga unsur tersebut. Hal ini bertujuan untuk menjelaskan pengaruh unsur id dalam mencetuskan konflik jiwa yang dialami oleh Zainuddin, dan seterusnya menjelaskan peranan ego dan super ego dalam memenuhi atau mengelak tuntutan id.

Selain itu, dalam bidang psikologi juga, terdapat teori yang dikaitkan dengan tingkah laku yang bertujuan menjelaskan aspek behaviorisme atau perilaku watak, iaitu teori humanistik Abraham Maslow (1943). Berdasarkan teori tersebut, manusia berusaha untuk mencapai kesempurnaan diri. Menurut Siti Jamiaah Abdul Jalil, Yusmini Md Yusoff dan Rozmi Ismail (2017), bagi menghasilkan individu yang positif, individu perlu berusaha mengawal nafsu daripada menguasai diri kerana nafsu seperti 'ammarah misalnya jika tidak dikawal akan mengakibatkan pelbagai kesan yang negatif sama ada dalam diri sendiri atau orang lain. Oleh yang demikian, kegagalan menerapkan aspek humanistik dalam kehidupan akan mengundang pelbagai masalah hingga mendorong kepada pemberontakan mental dan fizikal.

Dalam kajian ini, teori humanistik Abraham Maslow (1943) akan diterapkan untuk menganalisis perilaku Zainuddin ketika berhadapan dengan masalah, iaitu dengan menggunakan cara yang rasional bagi mencapai kesempurnaan diri yang positif. Maslow (1943) menjelaskan manusia sentiasa berusaha mencapai kesempurnaan diri yang unggul. Maslow (1943) juga menyetengahkan Teori Hierarki Keperluan yang ingin dicapai oleh manusia dalam memperoleh kesempurnaan diri seperti yang ditunjukkan dalam rajah berikut:



**Rajah 1** Hierarki Keperluan Maslow.

(Sumber: L. Stum, 2001)

Berdasarkan Rajah 1, manusia mempunyai keperluan yang perlu dipenuhi seperti keperluan asas, keperluan berasa selamat, keperluan untuk disayangi dan keperluan untuk dihormati. Apabila semua keperluan ini dipenuhi, maka kesempurnaan diri dapat dicapai. Begitu jugalah dengan watak Zainuddin. Beliau ingin rasa dihargai, ingin berasa dirinya selamat daripada kecaman dan sindiran orang lain terhadap asal keturunannya, dan ingin berasa disayangi melalui hubungannya dengan Haryati. Namun, disebabkan wujud pelbagai halangan dalam hidupnya, maka Zainuddin berhadapan dengan banyak cabaran untuk mencapai kesempurnaan diri yang unggul. Oleh yang demikian, kajian ini akan dilakukan untuk melihat tindakan dan segala perlakuan yang dilakukan oleh Zainuddin dalam mengatasi semua cabaran yang dihadapinya untuk mencapai kesempurnaan diri yang diperolehnya di pengakhiran novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (2015).

Dari aspek spiritual pula, perihal berkaitan dengan jiwa boleh dianalisis dari sudut psikologi Islam. Ibnu Sina merupakan salah seorang tokoh yang mendalami ilmu kejiwaan dan filsafat (Jarman Arroisi dan Rahmat Ardi Nur Rifa Da'i, 2020). Berdasarkan kajian Jarman Arroisi dan Rahmat Ardi Nur Rifa Da'i juga (2020), Ibnu Sina menjelaskan jiwa memainkan peranan penting dalam melahirkan kesempurnaan bagi setiap manusia. Jiwa juga mempunyai hubung kait dengan tubuh badan kerana jiwa sebagai penggerak dan pengatur kepada setiap tindakan fizikal yang dilakukan oleh manusia. Jika jiwa berada dalam keadaan stabil, maka kecenderungan untuk bertindak secara positif adalah tinggi berbanding jiwa yang bercelaru. Dalam setiap agama sekali pun termasuk agama Islam, semua individu perlu menerapkan nilai positif apabila berhadapan dengan masalah. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengaitkan konflik yang dialami oleh Zainuddin dengan nilai-nilai positif yang disarankan dalam Islam ketika berhadapan dengan masalah hingga mendorong kepada tindakan tertentu yang digambarkan pengarang dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (2015).

## Metodologi

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif. Data kajian dikumpul dengan menggunakan kaedah kepustakaan untuk merujuk maklumat dalam bentuk sumber bertulis yang berkaitan dengan novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka (2015). Menurut Ani Omar dan Lajiman Janoory (2017), kaedah kepustakaan merupakan suatu kaedah yang dijalankan dengan melakukan penelitian terhadap sumber bertulis yang telah diterbitkan. Oleh itu, sumber yang dirujuk bagi kajian ini merangkumi buku akademik, tesis, jurnal, artikel, sumber internet dan lain-lain. Kaedah ini membolehkan semua isu yang berkaitan dengan kajian terutama pandangan dan saranan tokoh dapat dirujuk dan dijadikan panduan untuk tujuan perbincangan dan penganalisan data

Seterusnya, kajian ini menerapkan tiga jenis pendekatan untuk menganalisis psikologi manusia yang berkaitan dengan permasalahan jiwa, iaitu psikoanalisis Sigmund Freud (1984), teori humanistik Abraham Maslow (1943) dan psikologi Islam (Khaidzir Ismail et al. 2009). Perbincangan mengenai setiap pendekatan akan dijelaskan satu persatu supaya analisis tentangnya lebih mudah difahami. Walaupun ketiga-tiganya merupakan pendekatan yang berbeza, psikoanalisis Sigmund Freud (1984), teori humanistik Abraham Maslow (1943) dan psikologi Islam menerapkan konsep yang sama dari segi pengkajian tentang permasalahan jiwa. Ketiga-tiga pendekatan bertujuan menjelaskan konflik yang dialami manusia atau watak yang diketengahkan dalam sesebuah karya sastera.

## **Sinopsis Novel**

Novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka (2015) menceritakan tentang kisah Zainuddin yang berketurunan Minangkabau (sebelah bapa) dan Makassar (sebelah ibu). Di Makassar dia dianggap sebagai orang Minangkabau dan tidak diterima oleh masyarakat Makassar. Apabila sudah menjadi yatim piatu, Zainuddin berangkat ke Minangkabau untuk mencari saudara-mara sebelah ayahnya di sana. Namun, di Minangkabau, Zainuddin dianggap pula sebagai orang Makasar dan tidak juga diterima disebabkan kekaburan asal usul keturunannya. Hal ini membuat Zainuddin dipinggirkan dan hidup dalam kesepian. Seinggalah Zainuddin bertemu dengan Hayati, gadis dari Batipuh. Gadis yang digelar bunga Batipuh. Cantiknya tiada bandingan hingga memikat hati Zainuddin. Hayati sahaja yang sudi berkawan dengannya dan menerima kekurangan dirinya. Mereka sering berbalas-balas surat dan akhirnya berubah menjadi ikatan cinta. Cinta yang baharu saja berputik dilanda badai dipertengahannya.

Masyarakat Minang sangat menitikberatkan asal usul keturunan dan hanya menerima individu yang berasal daripada keturunan yang sama dengan mereka. Namun, Zainuddin berketurunan Minangkabau dan Makassar. Hal ini menyebabkan Zainuddin tidak diterima oleh ninik mamak (bapa saudara) Hayati. Tambahan pula, kehadiran orang ketiga, iaitu Aziz lelaki yang berharta telah menyebabkan Zainuddin dipulaukan oleh keluarga Hayati. Zainuddin membawa diri, nekad untuk melupakan pengalaman pahit tersebut dan akhirnya menjadi seorang penulis yang berjaya. Namun, kedatangan semula Hayati dalam hidupnya membuatkan rasa cinta berbunga kembali.

Namun, Zainuddin mengerti batas pergaulan. Hayati kini merupakan isteri Aziz dan Zainuddin akhirnya membiarkan sahaja perasaan itu larut dalam benak hatinya. Tidak lama kemudian, Aziz meninggal dunia kerana membunuh diri disebabkan tertekan dengan keadaan hidupnya yang tidak lagi berharta, sebaliknya hanya mengharapkan ihsan Zainuddin. Hayati kembali menagih cinta Zainuddin, namun kerana ego, Zainuddin menolaknya dan membuatkan Hayati membawa diri untuk pulang ke Minangkabau dengan menaiki kapal yang diberi nama Van Der Wijck. Namun, malang tidak berbau, kapal tersebut karam di lautan dan Hayati terkorban. Zainuddin reda akan kehilangan insan yang sangat dicintai dan menyimpan gambar potret wanita itu sebagai tanda kasih Zainuddin terhadap Hayati.

## **Watak Zainuddin**

Dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (2015), pengarang menggambarkan watak Zainuddin sebagai pemuda yang tidak jelas asal keturunannya, iaitu sama ada daripada suku kaum Minangkabau yang terletak di Padang, atau daripada suku kaum Bugis yang terletak di Makassar. Dalam novel tersebut, pengarang menyetengahkan watak Zainuddin sebagai seorang pemuda yang mengalami konflik jiwa, iaitu apabila watak tersebut terpaksa melalui pelbagai cabaran dalam hidupnya. Pertama, dari segi asal usul keturunannya. Kedua, dari segi kisah percintaannya dengan seorang gadis berketurunan Minangkabau yang bernama Hayati. Kedua-dua faktor tersebut telah menjadi pencetus kepada permasalahan yang dihadapi oleh Zainuddin dan akhirnya mendorong kepada kewujudan konflik jiwa yang dialaminya.

Walaupun berhadapan dengan konflik, pengarang telah menggambarkan watak Zainuddin sebagai individu yang lemah lembut, dididik dengan ilmu kesenian dan seorang penyair yang suka mengalah demi kepentingan orang lain. Hal ini merupakan antara isu menarik yang boleh diketengahkan kepada khalayak pembaca, iaitu untuk melihat sejauh mana interaksi unsur-unsur psikologi memainkan peranan dalam mempengaruhi Zainuddin mengawal konflik jiwa yang dialami walaupun pelbagai jenis dugaan mendatang.

## **Dapatan dan Perbincangan**

Pengarang merupakan individu yang berupaya menterjemahkan konflik jiwa yang dihadapi oleh manusia dalam dunia sebenar ke dalam bentuk penulisan karya kreatif termasuklah dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka (2015). Dalam novel tersebut, terdapat banyak konflik yang diketengahkan oleh pengarang sama ada konflik individu atau konflik dengan masyarakat. Sehubungan dengan itu, perbincangan akan menjurus kepada kedua-dua konflik tersebut dengan menfokuskan watak utama novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (2015), iaitu watak Zainuddin.

## **Psikoanalisis Sigmund Freud (1984)**

Kajian ini akan menfokuskan dua peristiwa yang dianggap telah mencetuskan permasalahan jiwa dalam watak Zainuddin, iaitu dari segi asal usul keturunannya dan dari segi kisah percintaannya dengan Hayati. Menurut Norazlina Mohd Kiram, Raja Masittah Raja Ariffin dan Jama'yah Zakaria (2017), konflik boleh berlaku kepada individu, organisasi, kumpulan bahkan kepada masyarakat. Konflik wujud kerana berlaku perbezaan hasrat, kehendak, keinginan diri, kemahuan dengan realiti kehidupan (Nor Hasimah Ismail, Marzalina Mansor dan Melor Fauzita Md. Yusoff, 2017). Bagi Norazlina Mohd Kiram, Raja Masittah Raja Ariffin dan Jama'yah Zakaria (2017), konflik berlaku akibat perbezaan matlamat, nilai dan persepsi hingga memberikan kesan negatif. Jika diteliti, dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, Zainuddin berhadapan dengan konflik terhadap dirinya sendiri, iaitu halangan-halangan yang perlu dihadapi dalam usaha mencapai kesempurnaan diri, dan konflik dengan kumpulan atau masyarakat apabila Zainuddin ingin diterima oleh masyarakat, namun pada masa yang sama terpaksa berhadapan dengan cemuhan masyarakat terutama berkaitan dengan keturunan dan taraf hidupnya.

Dari segi keturunan, ketidakjelasan asal usul Zainuddin adalah disebabkan perkahwinan antara ayahnya Pendekar Sutan yang berketurunan Minangkabau, dengan ibunya Daeng Habibah yang berketurunan Bugis. Perkahwinan campur ini berlaku disebabkan ayah Zainuddin telah dibuang negeri ke Makassar kerana membunuh saudaranya sendiri. Di Makassar, ayah Zainuddin telah berkahwin dengan ibunya yang berketurunan Bugis. Dari segi taraf hidup pula, Zainuddin bukanlah seorang individu yang kaya, malah Zainuddin juga tidak mempunyai harta. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, terdapat tiga struktur personaliti, iaitu id, ego dan super ego. Setiap struktur berbeza-beza dan mempunyai peranan tersendiri apabila dikaitkan dengan psikologi. Berikut adalah perbincangan tentang ketiga-tiga unsur tersebut yang terdapat dalam diri Zainuddin:

### **I. Unsur Id**

Berdasarkan psikoanalisis Freud (1984), konflik yang dialami Zainuddin digerakkan oleh unsur id yang menekannya supaya memenuhi tuntutan dasar. Hal ini sejajar dengan pendapat Freud (1984) yang menjelaskan bahawa unsur id berada di alam bawah sedar dan tidak mempunyai hubungan dengan realiti. Sebaliknya, id berhubungan dengan prinsip kesenangan, iaitu sentiasa mencari kenikmatan dan mengelak daripada perasaan yang tidak senang (Minderop, 2016). Bagi Norazimah Zakaria (2018), id penuh dengan orientasi berkehendakkan kepuasan demi mencapai kesenangan.

Dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, unsur id dalam diri Zainuddin tercetus disebabkan oleh perasaan sedihnya kerana kehilangan ibu dan ayah pada usia yang masih kecil. Kehilangan kedua-

dua individu tersebut dikatakan sebagai pencetus konflik dalam diri Zainuddin kerana dia kehilangan tempat bergantung. Kematian kedua-dua orang tuanya telah menyebabkan Zainuddin keluar merantau ke negeri lain mencari saudara kandungnya sendiri kerana di Makassar, dia tidak diterima oleh komuniti di sana. Dalam erti kata lain, unsur id dalam diri Zainuddin menginginkan dirinya diterima masyarakat dan menginginkan saudara maranya menerimanya sebagai ahli keluarga kerana Zainuddin tidak mahu hidupnya merana dalam kesepian dan keseorangan tanpa keluarga di sisi.

Seterusnya, unsur id dalam diri Zainuddin semakin berkembang apabila setelah menemui saudara sebelah arwah ayahnya di Padang, mereka semua menysihkan Zainuddin. Zainuddin telah cuba bergaul dengan masyarakat muda di Batipuh tetapi pandangan mereka kepadanya adalah negatif kerana menurut Mak Base, di Minangkabau, asal usul keturunan ibu individu tersebut sangat penting. Dalam hal ini, walaupun ayah berketurunan Minangkabau, namun jika ibu bukan berasal dari Minangkabau, maka individu tersebut akan dianggap sebagai orang asing dan tidak mempunyai asal usul (Harris Effendi Thahar, 2016). Lebih malang lagi di Makassar, iaitu di negeri ibunya sendiri, dia juga dipandang sebagai orang asing seperti yang digambarkan dalam petikan berikut:

*Sehingga lama-lama insaflah dia perkataan Mak Base seketika dia akan berlayar, bahwa adat orang Minangkabau lain sekali. Bangsa diambil dari ibu. Sebab itu, walaupun seorang anak berayah orang Minangkabau, sebab di negeri lain bangsa diambil dari ayah, jika ibunya orang lain, walaupun orang Tanapuli atau Bengkulu yang sedekat-dekatnya, dia dipandang orang lain juga. Malang nasib anak yang demikian, sebab dalam negeri ibunya dia dipandang orang asing, dan dalam negeri ayahnya dia dipandang orang asing pula. (Hlm. 25-26).*

*“Hayati, berulang saya menanggung perasaan begini., seorang pun tidak ada tempat saya mengadu. Saya tidur di surau bersama-sama teman. Mereka ketawa, bersenda gurau, tetapi bilamana kuhening kupikirkan, emas tidak juga dapat dicampurkan dengan loyang, sutra tersisih dari benang. Saya telah mengerti segera bahasa Minangkabau meskipun dekat mereka saya seakan-akan tidak paham. Dari isyarat dan susun kata, dapat juga kuketahui, bahwa derajatku kurang adanya. Bakoku sendiri tidak mengaku saya anak pisangnya, sebab rupanya ayahku tak mempunyai saudara yang karib. Mereka bawa saya menumpang selama ini, karena dipertalikan bukan oleh budi bahasa, tetapi oleh uang; sekali lagi Hayati, oleh uang!” (Hlm.44).*

Dari segi percintaan dengan Hayati, unsur id dalam diri Zainuddin terus berkembang apabila keinginannya untuk memperisterikan Hayati ditolak oleh ninik mamak Hayati. Tuntutan id Zainuddin menginginkan kehidupan yang bahagia di samping insan yang tersayang, namun tuntutan id tersebut mencapai klimaksnya apabila Hayati terpaksa berkahwin dengan Aziz, seorang lelaki berketurunan dan memiliki harta kekayaan yang dipilih oleh ninik mamaknya. Alasan utama lamaran Zainuddin ditolak adalah kerana dia tidak berharta dan tidak jelas suku keturunan. Disebabkan alasan tersebut, maka Zainuddin dengan rendah diri melupakan hajatnya untuk memperisterikan Hayati. Keadaan ini telah mempengaruhi emosi Zainuddin serta mencetuskan konflik dalam dirinya kerana bagi Zainuddin, hanya Hayati tempatnya berkongsi kisah suka duka. Namun, apabila keadaan sebaliknya berlaku maka Zainuddin sedih, kecewa, duka dan lara hingga jatuh sakit seperti yang digambarkan dalam petikan berikut:

*“Dukun-dukun telah dipanggilkan. Macam-macam pendapat mereka:kena hantu, kena pekasih, kena tuju paramayo, kena tuju senang meranda dan lain-lain penyakit. Apalagi setelah sakitnya lebih sepuluh hari, kerap kali dia mengigau (bertutur sendiri) dalam tidurnya. Menyebut ayahnya, bundanya, Mak Base, Batipuh, kawin, Aziz. Dan yang paling banyak menjadi buah tuturnya adalah Hayati!” (Hlm.183).*

Berdasarkan petikan di atas, Zainuddin jatuh sakit selama dua bulan akibat kecewa dengan hidupnya. Menurut Freud (1909), tuntutan id yang tidak terkawal boleh menyebabkannya menjadi rakus dan terlalu mementingkan keseronokan hingga mendorong manusia bertindak berdasarkan ketidaksedaran akibat pemberontakan unsur id dalam diri. Pada peringkat awalnya, unsur id mempengaruhi Zainuddin apabila dia berpuas hati membiarkan dirinya hanyut dalam kekecewaan sehingga jatuh sakit dan mengabaikan kesihatan diri sendiri. Namun, menariknya dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* ini, pengarang menggambarkan watak Zainuddin sebagai pemuda yang mampu mengawal

kehendak unsur id pada akhirnya. Pengarang tidak membiarkan Zainuddin terus leka dipengaruhi oleh unsur id. Dalam psikoanalisis, kawalan terhadap tuntutan id dikawal oleh unsur ego. Bagi Norazimah Zakaria (2018), ego bertindak terhadap perkara yang mendatangkan kecemasan yang biasanya dihasilkan oleh konflik antara id dan superego. Dalam erti kata lain, pengarang menyetengahkan unsur ego dalam menangani tuntutan id dalam diri Zainuddin. Bagi menjelaskan usaha Zainuddin yang berjaya mengatasi konflik jiwa, maka perbincangan seterusnya akan menjelaskan peranan unsur ego dalam mengawal masalah yang dialami oleh Zainuddin.

## II. Unsur Ego dan Super Ego

Unsur ego berbeza dengan id (Norazimah Zakaria, 2018). Seperti yang dijelaskan oleh Norazimah Zakaria (2018), ego bertindak terhadap perkara yang mendatangkan kecemasan yang dihasilkan oleh id. Jika Zainuddin membiarkan sahaja unsur id mempengaruhi dirinya, maka Zainuddin boleh sahaja bermusuhan dengan saudara dan masyarakat sekeliling yang menyisih dan menindasnya sebagai individu tidak bersuku. Pada dasarnya, Harris Effendi Thahar (2016) berpendapat bahawa pelaksanaan adat Minangkabau yang mementingkan jurai keturunan yang dianggap berlandaskan Islam oleh masyarakatnya adalah bertentangan dengan ajaran agama Islam itu sendiri. Hal ini kerana adat tersebut bercanggah dengan ajaran agama Islam yang menuntut penganutnya menjalinkan silaturrahim sesama manusia dan tidak bermusuhan. Namun, dalam novel ini, keadaan tersebut tidak digambarkan pengarang sebaliknya mempamerkan pelaksanaan adat yang tidak menunjukkan hubungan baik sesama manusia.

Selain itu, Zainuddin juga boleh memberontak secara fizikal demi menghalang perkahwinan gadis yang sangat dicintai dengan jejak lain pilihan keluarganya. Zainuddin juga boleh membawa Hayati lari, dan kemudian mengahwininya tanpa pengetahuan keluarga Hayati. Keadaan ini boleh dirujuk sebagai mekanisme helah bela diri untuk menangani konflik jiwa yang dihadapi oleh watak. Menurut (Mohd Fadzil Baharudin, 2017), tindakan bela diri seperti ini dilakukan bertujuan untuk mencapai kepuasan diri bagi melegakan perasaan dalaman yang dihadapi oleh sesebuah watak.

Namun, keadaan tersebut tidak berlaku kerana pengarang menyetengahkan watak Zainuddin sebagai individu dengan unsur ego yang mantap yang dapat mengelak daripada ancaman dorongan id yang mendesak. Tambahan juga, Zainuddin mempunyai sahabat yang sentiasa memberi dorongan supaya dia memulihkan semangatnya, iaitu Muluk. Dengan dorongan dan kata-kata semangat yang tidak putus, Zainuddin akhirnya bersetuju dengan Muluk untuk memulakan hidup baru dan menjadi seorang penulis. Mereka telah berangkat ke Padang Panjang, iaitu ke Tanah Jawa untuk membuang segala kenangan pahit di Padang dan memulakan lembaran baharu seperti yang ditunjukkan dalam petikan berikut:

*“Salah sekali kalau orang sebagai Guru menyangka kebahagiaan ada pada rumah yang indah, atau pada uang berbilang, atau pada perempuan yang cantik. Kalau demikian apakah akan ubahnya Guru seorang terdidik budiman dengan orang-orang zaman kini. Orang yang sampai gugur rambut di kepala mencari uang kian kemari, tetapi dia tidak hendak puas, hanyalah semata-mata lantaran diperintah oleh senyuman perempuan”.*  
(Hlm.196).

Berdasarkan petikan di atas, unsur ego Zainuddin dipengaruhi oleh unsur super ego, iaitu keinginan untuk mengubah keadaan hidupnya dan melupakan segala permasalahan yang lalu. Tambahan juga, penglibatan sahabatnya Muluk turut mempengaruhi super ego Zainuddin untuk berubah ke arah yang lebih baik, sekali gus mendorong ego bertingkah laku positif dan mengawal tuntutan id daripada terus memberontak. Seperti yang dijelaskan oleh Norazimah Zakaria (2018), super ego menyerupai hati nurani seseorang individu dan tindakannya bersesuaian dengan moral dan etika yang baik untuk mencapai kesempurnaan diri. Jika unsur super ego gagal mengawal kehendak unsur ego, maka tingkah laku negatif yang didorong akibat kegagalan mengawal tuntutan unsur id akan berlaku. Namun, jika unsur super ego dalam diri individu adalah positif, maka unsur ego akan dapat mengawal diri daripada terpengaruh dengan kehendak id seperti yang ditunjukkan pada watak Zainuddin.

### **Humanistik Abraham Maslow (1970)**

Berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow (1970), manusia berusaha untuk mencapai kesempurnaan diri dalam semua aspek kehidupan. Antara kesempurnaan diri yang ingin dicapai oleh Zainuddin ialah keperluan untuk dihargai dan disayangi, iaitu Zainuddin ingin diterima oleh saudara maranya sendiri, serta mengahwini gadis idamannya, Hayati. Namun, keperluan tersebut tidak dapat dicapai kerana saudara maranya tidak mengendahkan Zainuddin dan Hayati pula terpaksa berkahwin mengikut pilihan keluarganya. Hal ini berlaku hanya disebabkan asal usul keturunan Zainuddin yang dikatakan tidak jelas, selain dirinya yang tidak berharta jika dibandingkan dengan Aziz yang kaya raya. Apabila wujud halangan sedemikian, maka konflik jiwa dalam diri Zainuddin tercetus. Pada peringkat awal, Zainuddin membiarkan sahaja konflik tersebut berlarutan dan memakan dirinya apabila dia terlantar sakit. Keadaan ini secara tidak langsung telah menyebabkan usahanya untuk mencapai kesempurnaan diri terjejas. Bagi Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016), situasi Zainuddin ini boleh dikategorikan sebagai pengurusan konflik jenis pemendam. Zainuddin memendam perasaannya dan keadaan ini akan menjadikannya sebagai individu yang tidak efektif, lumpuh dan menghalangnya daripada mencapai penyelesaian yang sewajarnya.

Berdasarkan Teori Hierarki Keperluan Maslow (1970) juga, manusia mempunyai banyak keperluan yang perlu dipenuhi untuk mencapai kesempurnaan diri seperti keperluan asas, keperluan berasa selamat, keperluan untuk disayangi dan keperluan untuk dihormati. Dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, Zainuddin ingin mencapai kesempurnaan diri walaupun berhadapan dengan banyak konflik antara dirinya sendiri dan konflik dengan masyarakat. Zainuddin ingin mencapai keperluan untuk berasa selamat, disayangi dan dihormati agar dirinya tidak lagi dicemuh oleh keluarga Hayati dan keluarganya sendiri. Zainuddin juga ingin mencapai keperluan asas dan keperluan ini telah dapat dipenuhi apabila Zainuddin berjaya mencipta nama sebagai penulis terkenal dan mempunyai kerjaya dan harta. Selain itu, dengan bantuan Muluk yang sentiasa positif dan optimistik, keinginan Zainuddin untuk mencapai kesempurnaan diri menjadi lebih mudah hingga nama penanya, iaitu 'Z' kian tersebar di Surabaya, di seluruh Tanah Jawa, Makassar bahkan di seluruh Indonesia seperti yang ditunjukkan dalam petikan berikut:

*Nama Zainuddin telah masyhur, dalam segala kalangan di Surabaya. Menjalar ke seluruh Tanah Jawa dan lebih tekas lagi tersiarinya nama penulis "Z" di seluruh Indonesia. Banyak dia menerima surat-surat pujian, banyak pula tetamu ternama yang telah ziarah ke rumahnya, memuji karangannya yang baru, menyanjung tonilnya. Demikian juga penduduk Makassar, telah banyak yang tahu bahawa penulis "Z" itu adalah nama potongan dari Zainuddin, yang sekarang terkenal dengan nama Shabir, artinya penyabar. (Hlm.197).*

Ciri-ciri humanistik dalam diri Zainuddin dapat dilihat apabila dia berbesar hati membenarkan Aziz dan Hayati tinggal di rumahnya selepas Aziz yang juga telah berpindah ke Tanah Jawa tidak lagi mampu membayar sewa rumah. Walaupun Zainuddin pernah dikecewakan oleh kedua-duanya, namun Zainuddin tidak menyimpan dendam, sebaliknya sudi menerima kedua-duanya sebagai tetamu di rumahnya. Zainuddin turut menjaga Aziz yang jatuh sakit hingga Aziz sihat kembali seperti yang digambarkan dalam petikan berikut:

*"Saudara!" kata Aziz dengan tiba-tiba kepada Zainuddin, sehabis makan pagi di kamar makan, di hadapan istrinya. "Baik budi Saudara kepada saya sudah terlalu besar, daif benar diri saya sekarang, tak ada balasan dari saya hanyalah memohon kepada Tuhan, moga-moga jasa Saudara itu terlukis pada sisi-Nya". "Itu bukan jasa, itu hanya kewajiban seorang sahabat kepada sahabatnya. Apalagi kita hidup di rantau pula," kata Zainuddin, "kita wajib membela antara satu sama lain". (Hlm.236).*



## Psikologi Islam

Dalam psikologi Islam, terdapat pelbagai tema yang berkaitan jiwa manusia seperti al-ruh, al-nafs, al-qalb dan al-aql. Namun, kajian ini akan berfokus kepada tiga aspek sahaja, iaitu al-nafs (nafsu), al-qalb (kalbu) dan al-aql (akal) (Fariza Md Sham, 2016). Dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, nafsu Zainuddin untuk dikenali sebagai pemuda berketurunan baik-baik dan berkahwin dengan Hayati tidak kesampaian. Bagi Nor Hasimah Ismail, Marzalina Mansor dan Melor Fauzita Md. Yusoff (2017), konflik ini berlaku apabila manusia sudah hilang arah, kecewa, putus asa hingga aqidah menjadi terlalu lemah dan berasakan Tuhan tidak dapat membantunya menyelesaikan masalah.

Apabila keinginannya tidak dapat dipenuhi, Zainuddin mengalami perasaan yang kacau bilau, terasa kekosongan di hati, rendah diri (*inferiority complex*) dan menjadikannya sebagai individu yang tidak sabar dengan dugaan hidup yang dialami. Keadaan ini telah mendorong berbagai-bagai penyakit jiwa berlaku dan sekali gus mewujudkan konflik. Sungguhpun demikian, walaupun Zainuddin terpengaruh dengan nafsu tersebut apabila rela membiarkan dirinya terlantar sakit tanpa menghiraukan kesihatan sendiri, namun di pertengahan cerita pengarang menunjukkan Zainuddin kembali bangkit daripada terus hanyut dalam kesedihannya. Watak Muluk sebagai seorang sahabat sangat membantu Zainuddin dalam memuhasabah diri, mendekati diri dengan Tuhan, menerapkan kembali nilai-nilai islami dalam diri, dan memberi kata-kata perangsang bahawa kebahagiaan yang hakiki bukan terletak pada perempuan sebaliknya pada Allah SWT seperti yang digambarkan dalam petikan berikut:

*“Guru pergi duduk-duduk bermenung seorang diri ke tempat yang lengang. Padahal ke mana pun kita pergi, iblis senantiasa menurutkan kita. Alangkah berbahayanya kalau dibisikkan iblis menyuruh Guru putus asa, disuruhnya membunuh diri....” (Hlm.192).*

Apabila Zainuddin sihat seperti sedia kala dan meneruskan hidup sebagai seorang penulis yang berjaya, Zainuddin juga tidak lupa akan prinsip berbuat baik kepada sesama manusia apabila dia sudi membantu orang lain yang dalam kesusahan. Ketika di hujung usianya juga Zainuddin mewariskan harta bendanya kepada orang lain dan tidak memandang harta tersebut sebagai sumber utama dalam kehidupannya seperti yang ditunjukkan dalam petikan berikut:

*“Itulah sebabnya pula dia menjadi seorang yang pengasih penyayang, menjadi seorang yang belas kasihan. Dia selalu suka membantu orang yang melarat, karena sebenarnya dia seorang melarat. Kerap kali datang kepadanya anak-anak muda yang kekurangan ongkos buat kawin, meminta bantuan kepadanya, dia keluarkan uang secukupnya untuk upacara itu. Karena katanya, “Saya merasai sendiri bagaimana pengaruhnya atas diri saya lantaran maksud tak sampai, biarlah anak muda itu tidak menanggung apa yang pernah saya tanggung”. (Hlm.246).*

*“Ada uangku tersimpan sedikit dalam bank. Semuanya kuhadiahkan kepada sahabatku Muluk, yang telah bertahun-tahun sesakit sesenang dengan daku. Harta benda peninggalan ayah bundaku di Mengkasar menjadi hadiah pula untuk orang tua yang menjagainya: Daeng Masiga. Karangan-karanganku kuserahkan kepada ‘Klub Anak Sumatra. Sedapat-dapatnya karangan-karangan itu dicetak, dan hasil keuntungannya diambil pembantu anak muda yang terlantar dalam menuju cita-citanya”. (Hlm.288).*

Berdasarkan petikan-petikan di atas, jelas menunjukkan bahawa nilai-nilai Islami dalam diri Zainuddin sangat kuat. Zainuddin tidak lagi mengharapkan masyarakat sekeliling menyanjunginya, memiliki harta kekayaan dan keturunan sebagai penentu kebahagiaan hidupnya seperti pada peringkat awal dia mengalami permasalahan jiwa. Hal ini jelas menunjukkan bahawa agama Islam menekankan supaya penganutnya mengamalkan sikap yang baik, luhur dan terpuji (Rohayu Ab. Majid, Zainal Kling dan Ismarani Ismail, 2021). Bagi Zainuddin, hanya kepada Allah SWT tempat dia bergantung selepas daripada fasa kekecewaan yang dihadapi.

Dalam erti kata lain, walaupun nafsu Zainuddin mendorongnya berperilaku negatif, namun di pertengahan dan penghujung usianya Zainuddin kembali mendekati diri dengan Tuhan dan menjadi seorang pemuda yang tinggi hati budinya dan mengasihi orang lain seperti yang disarankan dalam Islam.

Jelaslah bahawa kalbu dan akal Zainuddin berjaya mengawal nafsu akibat kekecewaan sekali gus mengelak dorongan id yang berkonsepkan kepuasan semata-mata daripada menguasai diri dan mempengaruhinya melakukan perbuatan yang negatif seperti membunuh diri, mengamuk, kahwin lari dan sebagainya. Pada dasarnya, Hamka (2015) telah dapat mengetengahkan kesan keislaman yang menyeluruh dalam diri watak Zainuddin dan kesan ini dapat dirasakan dan dijiwai sendiri oleh pembaca selepas membacanya (Azman Bado, Abu Hassan Abdul dan A. Halim Ali, 2018).

## Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan, anggapan bahawa pendekatan psikologi hanya menitikberatkan hubungan antara manusia dengan jiwa dan tidak menyelami persoalan pokok dalam karya telah dapat disangkal kerana pendekatan ini mampu merungkai gelojak perasaan oleh watak dengan pengolahan bahasa yang estetik, sekali gus memberi kesan apresiasi yang positif kepada pembaca. Hakikatnya, manusia sering berperang dengan jiwa dalamannya sendiri akibat daripada konflik permintaan id yang berlandaskan kepada prinsip kenikmatan dan mencari kepuasan segera. Sungguhpun demikian, manusia mempunyai unsur ego dan super ego yang kedua-duanya berperanan menuruti atau menghalang pengaruh id daripada menguasai diri. Keinginan super ego adalah lebih menjurus kepada prinsip moraliti. Oleh itu, jika unsur super ego individu mantap, maka unsur ego akan terangsang kepada perilaku positif sekali gus dapat mengawal tuntutan id.

Begitu juga halnya dengan nilai-nilai kemanusiaan dan nilai-nilai islami dalam diri. Semua agama menuntut penganutnya menjadi individu yang sentiasa berpegang kepada konsep ketuhanan. Individu muslim yang berpegang teguh kepada ajaran al-Quran dan as-Sunnah misalnya akan dapat mengelak tuntutan id atau nafsu sekali gus menghindari perbuatan negatif jika mereka hidup berlandaskan ajaran dan panduan yang terkandung dalam al-Quran dan as-Sunnah. Oleh itu, penting untuk setiap individu memiliki pengetahuan dan pegangan agama yang kuat. Hal ini demikian apabila berlaku desakan daripada unsur id atau nafsu seseorang individu itu dapat mengawal serta mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan boleh memakan diri jika pengetahuan dan pegangan agamanya kuat. Jelaslah bahawa, psikoanalisis, teori humanistik dan psikologi boleh dikaitkan antara satu sama lain untuk menjelaskan konflik jiwa yang dialami oleh sesuatu watak selain dapat menjelaskan sebab, akibat bahkan kesan yang mendorong perilaku watak dalam sebuah karya sastera.

## Rujukan

- Ani Omar & Lajiman Janoory. (2017). Jati diri orang Melayu menerusi Novel Malaisie karya Henri Fauconnier. *Jurnal Peraban Melayu*, Jil.2, 28-39.
- Azman Bado, Abu Hassan Abdul & A. Halim Ali. (2018). Unsur-unsur akidah dalam kumpulan puisi Taman Takwa. *Jurnal Peradaban Melayu*, Jil.13, 58-70.
- Fariza Md Sham. (2016). Psikologi Islam dalam silibus psikologi moden: Satu alternatif. *Global Journal Al-Thaqafar (GJAT)*, Vol. 6, Issue 1, 75-85.
- Freeman, R. & Stoner, J. A. F. (1989). *Management of organizations and human resources*. Longman Higher Education.
- Freud, S. (1909). Bemerkungen über einen Fall von Zwangsneurose. *Jahrbuch Für Psychoanalytische und Psychopathologische Forschung Journal*. 1(2). 357-421.
- Freud, S. (1984). *Introducción al psicoanálisis*. Sarpe.
- Hamka. (2015). *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck Novel*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Harris Effendi Thahar. (2016). Nilai-nilai ABS-SBK dalam *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka. *KOMPOSISI: Jurnal Pendidikan, Bahasa, Sastra dan Seni*, Vol.XVII, No.1, 29-36.
- Jarman Arroisi & Rahmat Ardi Nur Rifa Da'i. (2020). Psikologi Islam Ibnu Sina: Studi analisis kritis tentang konsep jiwa perspektif Ibnu Sina. *Prosiding Konferensi Integrasi Interkoneksi Islam dan Sains*. Vol. 2, 199-206.
- Khaidzir Ismail et al. (Ed). (2009). *Psikologi Islam: Falsafah, Teori dan Aplikasi*. Kuala Lumpur: InstitutIslam Hadhari & IBook Publication.

- L. Stum. David. (2001). Maslow revisited: Building the employee commitment pyramid. *Strategy & Leadership* 29(4): 4-9.
- Maslow, A. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review* 24: 843-853.
- Maslow, A. (1970). *Motivation and personality*. New York: Harper & Row.
- Minderop, A. (2016). *Psikologi sastra: Karya sastra, metode, teori dan contoh kasus. Edisi 2*. Yayasan Pustaka Obor Indonesia. Jakarta.
- Mohd Fadzil Baharudin (2017). Keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran dalam puisi terpilih Dharmawijaya. *Disertasi Doktor Falsafah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Hilmi Jalil & Fakhrol Adabi Abdul Kadir. (2012). Comprehensive human development through physical and spiritual: Studies on the novel "Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck", *PROCEDIA - Social and Behavioral Sciences* 55, 1118-1123.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Pengurusan konflik dalam cerita rakyat Nusantara abad ke-19. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)*, 4(2), 37-43.
- Norazimah Zakaria. (2018). Komplikasi neurosis watak utama melalui pendekatan psikoanalisis dalam novel Gadis Tasik. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business*. 2(7). 119-131.
- Nor Hasimah Ismail, Marzalina Mansor & Melor Fauzita Md. Yusoff. (2017). Konflik wanita dalam drama popular yang diadaptasi daripada novel. *Journal of Human Development and Communication, Vol. 6*, 225-238.
- Nur Farakhanna Mohd Rusli. (2015). Konflik Kejiwaan dalam Novel Interlok karya Abdullah Hussain (1996). *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)* 3(1), 59-66.
- Rohayu Ab. Majid, Zainal Kling & Ismarani Ismail. (2021). Personaliti raja yang menjamin kelangsungan institusi beraja di Malaysia. *Jurnal Peradaban Melayu, Jil.16, Bil.1*, 1-9.
- Siti Jamiaah Abdul Jalil, Yusmini Md Yusoff & Rozmi Ismail. (2017). Pembinaan Konsep Kendiri dari Perspektif Barat dan Islam. *Jurnal Usuluddin* 45 (1): 1-26.